


MOTAC 360°

EDISI 5: 14 - 31 OKTOBER 2024



MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)

MENARIK DI DALAM

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)** 2

**64TH APEC TOURISM WORKING GROUP MEETING
(TWG64)**
..... 7

PROGRAM MOTAC BERSAMA KOMUNITI SARAWAK 2024
..... 9

**MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN TEMA KEPENGERUSIAN
ASEAN-MALAYSIA 2025**
..... 10

**PENGANJURAN FESTIVAL KESENIAN ASEAN (ASEAN
FESTIVAL OF ARTS - AFA)** 11

PELANCARAN KARNIVAL CUTI-CUTI MALAYSIA 2024
..... 13



MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)



YB MINISTER OFFICIATED THE 11TH MEETING OF ASEAN MINISTERS RESPONSIBLE FOR CULTURE AND ARTS (AMCA)

24 OKTOBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture (MOTAC), officiated the "11th Meeting of ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts, 11th Meeting of ASEAN Plus Three for Culture and Arts (AMCA+3) and Related Meetings" at DoubleTree by Hilton, Melaka today.

AMCA serves as a platform to enhance cultural collaboration and understanding among ASEAN Member States and the Dialogue Partners, including the People's Republic of China, Japan, and the Republic of Korea. Centered on the theme "Bridging Cultures, Building Futures: Unity in Diversity", this gathering emphasises ASEAN's commitment in fostering cooperation and mutual understanding among its diverse cultures. The theme focuses on four key areas: celebrating cultural diversity, empowering youth to promote ASEAN identity, creating value in the creative economy, and accelerating digitalisation in cultural preservation.

Through meaningful dialogue and collaboration, ASEAN Member States and Dialogue Partners continue to strengthen bonds and shape a future where culture and the arts assume a central role in uniting and empowering communities. With a collective vision for a more connected and culturally enriched ASEAN, the discussions and initiatives from this meeting will pave the way for a brighter, more inclusive future for all.



24 OKTOBER 2024 - During the 11th Meeting of ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts (AMCA) held at DoubleTree by Hilton, Melaka, YB Dato' Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) had the honor of receiving a courtesy call from his counterparts from the ASEAN Member States. This meeting provided an invaluable opportunity for open dialogue and exchanging insights on cultural initiatives and cooperation.

The courtesy call emphasized the importance of strengthening regional relationships, fostering cultural ties, and exploring collaborative efforts to preserve the rich cultural heritage of ASEAN. The Ministers reiterated their commitment to promoting unity through culture and arts, aligned with the theme of the 11th AMCA, "**Bridging Cultures, Building Futures: Unity in Diversity**".

These engagements reaffirmed the collective vision of ASEAN countries to continue working hand in hand towards enhancing cultural diplomacy, driving innovation in the creative economy, and empowering future generations to safeguard and celebrate the region's diverse cultural legacy.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)

"UNITY IN DIVERSITY": PERSEMBAHAN BUDAYA WARNAI MAJLIS MAKAN MALAM ASEAN DI MELAKA

24 OKTOBER 2024 - MELAKA- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) meraikan Menteri-menteri ASEAN, China, Jepun dan Korea melalui majlis makan malam yang dianjurkan di Hotel Swiss-Garden, Melaka semalam. Bertemakan "Unity in Diversity", majlis ini turut dihadiri oleh Setiausaha Agung ASEAN dan pegawai-pegawai kanan bersama delegasi ASEAN yang lain.

Memeriahkan majlis makan malam ini di sajikan dengan pelbagai persembahan menarik sepanjang majlis makan malam ini berlangsung. Nyanyian medley oleh penyanyi tempatan dan juga persembahan kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia.



Platform bertaraf ASEAN seperti ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kerjasama budaya serantau dan memberi inspirasi kepada lebih banyak perbincangan bermakna dan kerjasama erat serantau.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)



23 OKTOBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Bertanggungjawab kepada Kebudayaan dan Kesenian (Senior Officials' Meeting for Culture and the Arts – SOMCA) Ke-20 di Melaka pada 22 Oktober 2024.

Mesyuarat SOMCA Ke-20 bertujuan untuk memperkuuh hubungan dan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan kesenian dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN. Mesyuarat turut membincangkan hala tuju serta isu-isu penting mengenai kerjasama dalam pelbagai aspek kebudayaan, kesenian dan warisan untuk dikemukakan ke Mesyuarat AMCA Ke-11 untuk pertimbangan dan pengesahan.

Mesyuarat ini dihadiri oleh sepuluh negara anggota ASEAN dan Timor-Leste sebagai pemerhati. Dalam kesempatan ini, YBhg. Datuk Wira turut menghoskan Makan Malam Kerja bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kebudayaan dan Kesenian ASEAN serta delegasi untuk meraikan delegasi negara-negara ASEAN.



MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)



KSU MOTAC TELAH MENJADI TETAMU DALAM SLOT TEMUBUAL EKSKLUSIF DI BERNAMA RADIO BAGI BERKONGSI BERKENAAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)

14 OKTOBER 2024 - Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC), YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman telah menjadi tetamu dalam slot Temubual Eksklusif di BERNAMA Radio bagi berkongsi berkenaan dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian ASEAN Ke-11 (AMCA) yang akan diadakan pada 22-24 Oktober 2024 di Negeri Melaka.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian ASEAN (ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts – AMCA) dan Mesyuarat AMCA bersama rakan dialog (AMCA + 3) adalah mesyuarat berjadual peringkat menteri yang dianjurkan setiap setiap 2 tahun sekali dan dihoskan oleh negara-negara anggota ASEAN secara bergilir-gilir yang mana Mesyuarat AMCA Ke-11 pada kali ini akan dianjurkan dan dipengerusikan oleh Malaysia mengikut giliran yang telah dipersetujui.

Bertemakan "**Bridging Cultures, Building Futures: Unity in Diversity**", mesyuarat kali ini akan membincangkan bentuk kerjasama dan sumbangan negara-negara ASEAN dalam melestarikan kebudayaan dan kesenian ke arah pembentukan Komuniti ASEAN yang mempunyai identiti yang kepelbagaian budaya. Isu berkaitan dengan dasar untuk mengukuhkan persefahaman antara budaya yang menyentuh kepentingan serantau juga akan turut dibincangkan.

SLOT TEMU BUAL SELAMAT PAGI MALAYSIA (RTM) BERSAMA YBRS. DR. CHRISTINA YEO KEN YIN, SETIAUSAHA BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA KEBUDAYAAN, KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC) BERKONGSI BERKAITAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (AMCA) KE-11





MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ASEAN KE-11 (AMCA)

14 OKTOBER 2024 - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menjadi tetamu dalam slot temubual Apa Khabar Malaysia di BERNAMA TV bagi berkongsi berkenaan dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian ASEAN Ke-11 (AMCA) yang akan diadakan pada 22 hingga 24 Oktober di Negeri Melaka. Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian ASEAN (ASEAN Ministers Responsible for Culture and Arts – AMCA) dan Mesyuarat AMCA bersama rakan dialog (AMCA + 3) adalah mesyuarat berjadual peringkat menteri yang dianjurkan setiap 2 tahun sekalidan dihoskan oleh negara-negara anggota ASEAN secara bergilir-gilir.

Sehingga kini, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak sepuluh kali. Mesyuarat AMCA Ke-11 dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan akan dianjur dan dipengerusikan oleh Malaysia mengikut giliran yang telah ditetapkan. Mesyuarat AMCA dan Mesyuarat AMCA+3 ini bertujuan memperkuuhkan hubungan dan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan kesenian dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN termasuk negara rakan-rakan dialog (ASEAN Plus Three – ASEAN+3) iaitu Republik Rakyat China (RRC), Jepun dan Republik Korea (ROK). Jalinan kerjasama ini merangkumi usaha-usaha pemeliharaan, pemuliharaan, promosi dan penghayatan kekayaan budaya, seni dan warisan rakyat ASEAN yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Tema Mesyuarat AMCA Ke-11 ialah **“Bridging Cultures, Building Futures: Unity in Diversity”**. Mesyuarat kali ini akan membincangkan bentuk kerjasama dan sumbangan negara-negara ASEAN dalam melestarikan kebudayaan dan kesenian ke arah pembentukan Komuniti ASEAN yang mempunyai identiti kepelbagaian budaya. Mesyuarat juga akan membincangkan isu berkaitan dengan dasar untuk mengukuhkan persefahaman antara budaya yang menyentuh kepentingan serantau. Bidang keutamaan Kepengerusian AMCA Malaysia yang telah dikenal pasti untuk mengupayakan sumbangan serta melestarikan seni budaya dalam mendepani cabaran masa depan ialah **“Belia, Ekonomi Kreatif dan Pendigitalan”**.

Beberapa program dan aktiviti seni budaya dan warisan berteraskan tema dan bidang keutamaan akan dilaksanakan bagi menyokong dan menyemarakkan lagi inisiatif di bawah Kepengerusian AMCA Malaysia sepanjang tahun 2024 - 2026.





SEMINAR KEILMUAN BUDAYA 2024



14 OKTOBER 2024 - Seminar Keilmuan Budaya 2024 ini menghimpunkan para pembentang yang terdiri daripada tokoh-tokoh seni, budayawan, pemain industri, ahli akademik dan pentadbir budaya yang bertemakan Budaya Nilai Tinggi dan Negara Maju, Bangsa Berbudaya. Seminar yang berlangsung selama 2 hari (15-16 Oktober) ini merupakan kerjasama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) bersama Bahagian Dasar Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Majlis perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC. Seminar ini merupakan wadah dan cara pandang Malaysia MADANI dan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) untuk membina identiti, cara hidup dalam pemerksaan hala tuju Malaysia untuk menjadi negara maju serta melahirkan rakyat berbudaya.

INTELEK SENI 2024: MENELUSURI NILAI ESTETIKA PEMAKAIAN BUSANA DALAM SENI PERSEMBAHAN



15 OKTOBER 2024 - Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah menganjurkan program Intelek Seni 2024 bertempat di Galeri Utama Kolej Pengajian Seni Kreatif, Kompleks Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam. Bertemakan Menelusuri Nilai Estetika Pemakaian Busana dalam Seni Persembahan merupakan wadah perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepakaran daripada enam (6) tokoh intelek seni berkaitan seni budaya di Malaysia. Selain itu, program ini turut memberi pemahaman dan percambahan pengetahuan kepada pencinta busana tradisi negara selain menelusuri sejarah dan juga kepentingan dalam melestarikan pemakaian busana tradisional terutamanya dalam aspek seni persembahan. Hadir bersama, YBrs. Tuan Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah JKKN, YBrs. Tuan Mohd Radzi bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) JKKN, YBrs. Prof. Madya Dr. Sharifah Faizah Syed Mohammed, Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM, Pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.





64TH APEC TOURISM WORKING GROUP MEETING (TWG64)

MALAYSIA HOSTS THE 64TH ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC) TOURISM WORKING GROUP MEETING (TWG64) IN LANGKAWI

15 OKTOBER 2024 - Malaysia is currently hosting the 64th Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Tourism Working Group Meeting (TWG64) at Parkroyal Langkawi Resort, Kedah. APEC is a regional economic forum established in 1989 to leverage the growing interdependence in the Asia-Pacific, aiming to create greater prosperity for the people of the region by promoting balanced, inclusive, sustainable, innovative and secure growth, as well as accelerating regional economic integration.

The TWG64 meeting runs from 15th to 17th October 2024, with participation from 21 APEC member economies and guests. The meeting focuses on initiatives related to the tourism sector in the Asia-Pacific region. It also serves as a platform for discussions and forums on sustainable, resilient and inclusive tourism in the region.





64TH APEC TOURISM WORKING GROUP MEETING (TWG64)



EXPLORING LANGKAWI'S HIDDEN GEMS: A TECHNICAL TOUR FOR APEC TWG64

15 OKTOBER 2024 - Delegates from the 64th APEC Tourism Working Group Meeting (TWG64) traded their conference tables for a breathtaking journey through the wonders of Langkawi Island today. This immersive technical tour offered a firsthand glimpse into the island's rich cultural heritage and stunning natural beauty. A group of 43 delegates, representing 16 APEC member economies and 2 APEC guests, embarked on a captivating exploration.

Their adventure began at the National Art Gallery, where they were captivated by the vibrant colours and intricate techniques of Malaysian paintings. Next, the delegates flocked to the iconic Eagle Square, capturing the moment with a flurry of photos against the backdrop of the majestic eagle statue.

Their cultural immersion continued at the Langkawi Craft Complex, where they witnessed the artistry of batik making and the intricate weaving of songket fabric. But the highlight of the tour was undoubtedly the exhilarating ascent to the Langkawi Skybridge. Soaring above the rainforest canopy via cable car, the delegates were treated to panoramic views of the island's lush landscape.

The adventure culminated at the Eagle's Nest Skywalk, where they marvelled at the breathtaking vista from a platform suspended high above the ground. This unforgettable experience not only showcased Langkawi's diverse attractions but also fostered a deeper appreciation for the island's commitment to sustainable tourism and cultural preservation.





SESI PERJUMPAAN YB MENTERI MOTAC BERSAMA PERSATUAN HOTEL



17 OKTOBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengadakan pertemuan bersama Persatuan Industri Perhotelan di Parlimen Malaysia bagi membincangkan isu berkaitan masa daftar masuk (check in) dan daftar keluar (check out) rentetan dari isu yang tular di media sosial baru-baru ini. Hasil perjumpaan tersebut semuanya pihak telah bersetuju untuk berkerjasama dalam menambahbaik perkhidmatan bagi meningkatkan pengalaman melancong di Malaysia. YB Menteri juga akan mengadakan perbincangan lanjut lagi bersama pihak yang berkaitan bagi menangani isu ini. Pihak yang turut hadir ke sesi ini adalah wakil dari Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) dan Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA).

PROGRAM MOTAC BERSAMA KOMUNITI SARAWAK 2024



18 OKTOBER 2024 - YBhg. Dato' Shaharudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menghadiri Program MOTAC Bersama Komuniti di Sarawak 2024 di Dewan Masyarakat Sri Krian, Saratok. Turut serta ialah YB Tuan Friday Belik, Ahli Dewan Undangan Negeri Krian, Sarawak, yang juga telah merasmikan program ini. Selain itu, hadir sama ialah YBrs. Puan Debbie Jenggut Nyelang, Pengarah MOTAC Negeri Sarawak dan YBrs. Puan Nurul Ain binti Mohammed Yunus, Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) Negeri Sarawak. Program ini bertujuan merapatkan lagi hubungan baik antara komuniti setempat dengan MOTAC dan agensi-agensi kementerian.

Dalam program ini juga, terdapat pameran dan taklimat daripada MOTAC Sarawak, TM dan Institut Kraf Negara (IKN) bagi menyebarkan maklumat dan peluang kepada komuniti untuk memajukan sektor pelancongan setempat. Selain itu juga, telah diadakan penyampaian momento kepada tuai-tuai rumah di kawasan setempat.



SCOOT MARKS THE INAUGURAL JOURNEY OF ITS FIRST FLIGHT TO MALACCA, MALAYSIA



24 OKTOBER 2024 - Scoot, the low-cost subsidiary of Singapore Airlines (SIA), celebrated the arrival of its first-ever flight to Malacca, marking its 11th and newest destination in Malaysia. Scoot will operate five times weekly services between Singapore and Malacca on the Embraer E190-E2 aircraft. The introduction of Scoot's flights to Malacca is a significant boost for the city's tourism and economy.

YB Dato' Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) said "We welcome Scoot's inaugural flight to Malacca. This is an important step in the facilitation of enhanced international connectivity to Malaysia. YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Chief Minister of Malacca, said "Scoot's flights to Malacca unlocks new opportunities for the city as more travellers are now able to discover this historic destination in Malaysia."

With the addition of Malacca to Scoot's network, the airline now serves 72 destinations across 18 countries and territories, spanning the Asia-Pacific, Middle East, and Europe.

Beside Malacca, Scoot also flies to 10 other Malaysian cities including Ipoh, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Kuantan, Kuching, Langkawi, Miri, Penang, Sibu and Subang. From October 2024, Scoot will operate 115 weekly flights to Malaysia. MOTAC remains dedicated to forming strategic partnerships and collaborations with international airlines to boost promotional efforts and stimulate travel demands.

MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN TEMA KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA 2025



22 OKTOBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya selaku Menteri Penyelaras untuk Tonggak Sosiod budaya ASEAN telah menghadiri Majlis Pelancaran Logo dan Tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Wisma Putra. Pada majlis ini, YB Dato' Seri Utama Mohamad bin Hassan, Menteri Luar Negeri telah menyampaikan ucaptama, seterusnya melancarkan logo dan tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 bersama-sama YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, dan YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Turut hadir ke majlis ini adalah YB Datuk Mohd Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri berserta Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Ketua-Ketua Perwakilan Asing di Malaysia, Wakil-Wakil Pertubuhan Antarabangsa dan Wakil-Wakil Media. Logo dan Tema "Keterangkuman dan Kemampunan" telah diperkenalkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, semasa Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan pada 11 Oktober 2024 di Vientiane, Lao PDR, di mana Malaysia telah mengambil alih Kepengerusian ASEAN daripada Lao PDR secara rasmi.



PENGANJURAN FESTIVAL KESENIAN ASEAN (ASEAN FESTIVAL OF ARTS - AFA)



24 OKTOBER 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganjurkan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Bertanggungjawab Kepada Kebudayaan dan Kesenian (AMCA) Ke-11, Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Bertanggungjawab Kepada Kebudayaan dan Kesenian dengan Negara Rakan Dialog (AMCA+3) dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan di Melaka pada 22 hingga 24 Oktober 2024.

Semena dengan penganjuran Mesyuarat AMCA ke-11 dan Mesyuarat Berkaitan tersebut, MOTAC turut menganjurkan Festival Kesenian ASEAN (AFA) yang diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka. Festival ini menampilkan penyertaan daripada kumpulan kebudayaan dari negara-negara anggota ASEAN serta negara Rakan Dialog, Jepun dan negara pemerhati, Timor Leste.

Malaysia telah membawakan satu persembahan muzikal yang berjudul "Persembahan LIMA Bersaudara". Persembahan ini memaparkan simbolik tema iaitu "ASEAN Unity". Melalui inisiatif penganjuran AFA ini, ASEAN terus komited untuk membina masa depan yang lebih bersatu dan harmoni.

KUNJUNGAN HORMAT KSU MOTAC KE ATAS SUK NEGERI PERAK

28 OKTOBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengetahui delegasi MOTAC untuk mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Sesi kunjungan hormat ini memberi peluang kepada kedua-dua pihak menerokai kerjasama untuk memajukan sektor pelancongan dan kebudayaan. Antara usul yang diangkat dan dipersetujui adalah membangunkan Zon Khas Pelaburan Pelancongan di Negeri Perak, mewujudkan Pusat Pelancongan dan Kebudayaan sebagai pusat perkhidmatan setempat (One Stop Centre) di bandar Ipoh, mengetengahkan dan memperkembangkan industri kraftangan negeri Perak serta usahasama memelihara dan memulihara warisan Negeri Perak.

Kesemua inisiatif tersebut akan dapat menarik kedatangan pelancong ke negeri Perak dan ke arah persediaan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026. YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan, YBrs. Encik Muhammad Muda bin Bahadin, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, YBrs. Encik Mohd Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Prasarana serta Pengarah-pengarah Negeri MOTAC, jabatan dan agensi turut serta dalam sesi kunjungan hormat tersebut.





PESTA TAMU BESAR KOTA BELUD 2024: FESTIVAL TARI TEMPASUK PERINGKAT KEBANGSAAN 2024, KOTA BELUD



25 OKTOBER 2024 - Festival Tari Tempasuk Peringkat Kebangsaan 2024 bersempena penganjuran Pesta Tamu Besar Kota Belud 2024 telah diadakan di Dewan Al-Arsad, Kota Belud, Sabah. Majlis yang dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, Timbalan Ketua Menteri III, merangkap Menteri Kerja Raya Sabah dalam ucapannya berkata, "Festival ini bukan sahaja memartabatkan warisan kebudayaan kita tetapi juga memberi ruang terutamanya anak-anak muda menghargai kekayaan seni tari yang menjadi sebahagian daripada identiti dan tradisi kita di negeri Sabah, dan negara Malaysia amnya."

Festival Tari Tempasuk Peringkat Kebangsaan 2024 menjadi detik hitung bermulanya Pesta Tamu Besar Kota Belud 2024, di mana Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kerajaan Negeri Sabah julung-julung kali mengadakan kerjasama bagi penganjuran Pesta Tamu Besar Kota Belud pada tahun ini. Tamu Besar Kota Belud pada tahun ini menjangkau usia 146 tahun sejak bermulanya aktiviti perniagaan bersejarah bakal merancakkan lagi sektor pelancongan dan keunikan budaya di Kota Belud, Sabah khasnya dan Malaysia amnya, sekaligus merangsang ekonomi penduduk tempatan.

Turut hadir, YB Datuk Mohd Arsyad bin Bistari, Ahli Dewan Undangan Negeri N. 09, Negeri Sabah, pegawai-pegawai kanan persekutuan dan negeri.

Kredit foto Jabatan Penerangan Sabah (Encik Johny George Kimlon).





PELANCARAN KARNIVAL CUTI-CUTI MALAYSIA 2024

25 OKTOBER 2024 - YB Tuan Khairul Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Karnival Cuti-Cuti Malaysia di Kompleks Kraf. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), YBhg. Datuk Manoharan Periasamy, Ketua Pengarah Tourism Malaysia, YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Tourism Malaysia.

Bertemakan "Crafting Holidays", penganjuran Karnival Cuti-Cuti Malaysia (KCCM) 2024 yang berlangsung dari 25 hingga 27 Oktober 2024 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, bukan sahaja menawarkan lebih 200 jualan pakej pelancongan dengan tawaran diskaun antara 15 hingga 50 peratus, malah menyajikan pelbagai demonstrasi dan jualan kraf serta makanan warisan.

Turut dilancarkan ialah Pakej Kompleks Kraf yang menawarkan lawatan berpandu berkumpulan serta aktiviti interaktif kraf di empat buah kompleks kraf iaitu Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Kompleks Kraf Langkawi, Kompleks Kraf Johor dan Kompleks Kraf Melaka. Kesemua pusat kraf setempat tersebut memiliki tarikan tersendiri merangkumi komponen seperti Pusat Jualan Kraf, Muzium dan Galeri Kraf Warisan, Perkampungan Kraf, Perkampungan Pelukis, Taman Etno Kraf dan Taman Madu Kelulut.

Selain itu, pengunjung juga boleh menyaksikan atau menyertai demonstrasi dan aktiviti interaktif kraf seperti anyaman rotan, kraf batik, seramik, 'copper tooling' dan pembuatan kompong. Penganjuran KCCM 2024 turut disertai oleh Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Istana Budaya, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) dan Hotel Seri Malaysia serta mendapat sokongan ASTRO, Star Media Group, Zoomer Media, Prowangsa, Advance Sign Indicator (ASI) dan KL Hop-On-Hop-Off (HOHO).





LAWATAN KE PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN DI PULAU PINANG





29 OKTOBER 2024 - Lawatan YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ke projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan di Pulau Pinang iaitu di Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang, Galeri Kraftangan@Pusat Inkubator Kraftangan Balik Pulau dan Hutan Simpan Kekal Pantai Malindo Balik Pulau. YBhg. Datuk Wira KSU telah diberikan taklimat ringkas oleh jabatan-jabatan berkaitan serta lawatan ke tapak-tapak projek.

Turut hadir adalah YBhg. Datuk 'Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan, YBrs. Encik Mohd Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Prasarana MOTAC serta pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi.



PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

"MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA"



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA**

f mymotac | www.motac.gov.my

